

I-Set tampil dua tokoh sains negara

PEMILIHAN Datuk Dr. Mazlan Othman dan Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman sebagai panel pertama dalam siri syarahan awam *I-Set* merupakan penghargaan Universiti Islam Malaysia (UIM) di atas kepakaran tokoh itu dalam bidang sains.

Mazlan yang akan membuat penampilan melalui syarahan pertama siri *I-Set* pada Selasa ini merupakan tokoh terkemuka dalam bidang penyelidikan astronomi.

Pengarah Mega Sains 3.0 di Akademi Sains Malaysia itu juga merupakan satu-satunya saintis wanita dalam bidang astronomi dan astrofizik di negara ini.

Anak kelahiran Seremban, Negeri Sembilan itu mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian dari Universiti Otago, New Zealand.

Ketrampilan beliau dalam bidang sains dibuktikan apabila menjadi wanita pertama memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Astrofizik di universiti berkenaan.

Sekembalinya di tanah air, ahli fizik pertama negara itu aktif mempromosikan sains angkasa melalui tanggungjawab yang dipikul sebagai peneraju Bahagian Kajian Sains Angkasa dan menjadi tulang belakang penubuhan Planetarium Negara Kuala Lumpur.

Pada tahun 1988, beliau dilantik sebagai Profesor astrofizik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada bulan Oktober 1995, Mazlan dilantik sebagai Ketua Pengerah Bahagian Kajian Sains Angkasa Negara (ANGKASA) di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTI).

Kecemerlangan beliau dalam bidang itu seterusnya menda-

pat pengiktirafan antarabangsa apabila dilantik sebanyak dua kali sebagai Ketua Pejabat Hal Ehwal Angkasa Lepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sementara itu, tokoh kedua yang akan ditampilkan dalam siri syarahan awam *I-SET* adalah bekas Penasihat Sains pertama kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Prof. Emeritus Tan Sri Omar Abdul Rahman.

Omar merupakan pakar veterinar Malaysia pertama yang mendapat Ijazah Doktor Falsafah dan profesor pertama dilantik di Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga penerima kepada lapan ijazah doktor kehormat dari dalam dan luar negara.

Antara profil lain yang pernah dipegang termasuk Timbalan Naib Canselor UPM (1982), Presiden Persatuan Pembedahan Veterinar Malaysia-Singapura, Persatuan Saintifik Malaysia, Persekutuan Kelab dan Akademi Saintifik Asia, Majlis Sains

Asia dan bekas Timbalan Presiden Persatuan Saintifik Rangkaian Dunia Ketiga.

Omar memulakan kerjaya profesionalnya pada tahun 1960 dalam kajian haiwan di Institut Penyelidikan Haiwan, Ipoh dan dilantik sebagai Dekan Pengasas Fakulti Perubatan Veterinar dan Sains Haiwan pada awal penubuhan Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia).

Ketokohan dalam bidang sains mengangkat beliau menjadi Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1984.

Tokoh sains negara ini adalah juga adalah pemenang Anugerah Tokoh Akademik Negara 2009 dan 2010.



DATUK DR. MAZLAN OTHMAN



TAN SRI DR. OMAR ABDUL RAHMAN